

GAYA PEMBELAJARAN DAN KAEDAH PENGAJARAN DIGEMARI DI KALANGAN PELAJAR DIPLOMA KEJURURAWATAN DI UNIVERSITI SWASTA PENANG

NOR AROMA ABU BAKAR
Universiti Terbuka Malaysia
aroma@oum.edu.my

DR ZETTY NURZULIANA RASHED
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
zetty@kuis.edu.my

ABSTRAK

Satu kajian kuantitatif jenis deskriptif telah dijalankan ke atas pelajar jururawat di Kolej Kejururawatan AUCMS, Penang berkaitan gaya pembelajaran dan kaedah pengajaran yang digemari di kalangan mereka. Kajian ini dijalankan ke atas seramai 30 responden yang terdiri daripada 15 lelaki dan 15 perempuan dari pelajar jururawat Semester 1 Tahun 1 yang sedang mengikuti pengajian dalam Diploma Kejururawatan yang mana sampel kajian adalah jenis persampelan rawak. Objektif umum kajian dijalankan adalah untuk melihat jenis gaya pembelajaran di kalangan pelajar. Selain itu ianya juga bertujuan untuk mengetahui kaedah pengajaran yang digemari oleh para pelajar. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat hubungkait gaya pembelajaran dengan faktor pembolehubah bebas iaitu jantina dan bangsa serta hubungannya juga dengan kaedah pengajaran yang digemari para pelajar. Untuk menjawab persoalan kajian tersebut, instrumen borang soal selidik digunakan bagi memudahkan pengumpulan, penganalisaan dan intepretasi data dijalankan. Set soal selidik diedarkan dan dikumpul sendiri dan seterusnya dianalisa dengan menggunakan program statistical package for the social sciences: version 17.0. Statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan gaya pembelajaran dan kaedah pengajaran yang digemari berdasarkan bangsa dan jantina manakala Ujian- t independent dan one way ANOVA digunakan untuk menjawab hipotesis kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan para pelajar mempunyai keempat-empat jenis gaya pembelajaran di mana jenis Visual (50%) diikuti dengan jenis Kinestetik (36.7%) adalah yang paling dipelopori kebanyakan responden berbanding jenis auditori dan taktual. Bagi kaedah pengajaran yang paling digemari para pelajar ini adalah kemahiran klinikal dan lawatan sambil belajar. Hasil Ujian Khi Kuasa Dua yang digunakan mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan kaedah pengajaran yang digemari pelajar. Kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara gender dan bangsa terhadap gaya pembelajaran. Namun sebaliknya hasil kajian mendapati gender tidak mempengaruhi pemilihan kaedah pengajaran yang digemari oleh para pelajar tetapi jenis bangsa pula didapati mempengaruhi pemilihan kaedah pengajaran yang digunakan oleh pengajar di kolej tersebut.

Kata Kunci: Gaya Pembelajaran, Kaedah Pengajaran, Pelajar Jururawat

1.0 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Di era globalisasi kini, semua sektor sama ada kerajaan mahu pun swasta berlumba-lumba untuk membangun seiring dengan pembangunan dan kepesatan teknologi canggih serta moden. Tidak kurangnya sektor pendidikan yang ingin sama seiringan dengan sektor lainnya. Oleh itu, perancangan dan dasar pendidikan negara digubal bersesuaian dengan perubahan ini. Kesedaran ini telah lama mula dibangkitkan contohnya pihak kerajaan kita telah memberi tumpuan yang serius terhadap pendidikan di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi khususnya berkaitan teknik pembelajaran yang berkesan dan ianya perlu dihalusi oleh setiap pelajar bagi memastikan pencapaian akademik yang cemerlang dan juga berupaya menguasai ilmu teori dan juga ilmu kemahiran.

1.2 Latar belakang Kajian

Dunia pendidikan kini semakin mencabar. Perubahan demi perubahan terpaksa diubahsuai dan diimplementasikan demi mencapai keberkesanan pembelajaran dan pengajaran itu sendiri. Tanpa mengira kategori dan peringkat pembelajaran, prinsip pembelajaran dan pengajaran tetap sama tetapi yang membezakannya ialah implementasi strategi mahupun kaedah pembelajaran dan pengajaran yang dijalankan. Melalui kaedah pembelajaran dan pengajaran yang bersesuaian; sesuatu hasil dari proses pembelajaran dan pengajaran itu menampakkan keberkesannya. Jelas menyatakan bahawa para pengajarliah yang bertanggungjawab menyediakan persekitaran pembelajaran yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran para pelajar tersebut (Amir Hassan, 2006).

Terdapat juga penulisan-penulisan yang membincangkan kepentingan teknik dan gaya pembelajaran yang berkesan akan menyumbang kecemerlangan akademik para pelajar contohnya penulisan oleh Mohd Nor Ikhwan (2007) di mana hasil kajian beliau mendapati gaya pembelajaran yang berkesan merupakan faktor penyumbang yang besar di dalam pencapaian akademik individu. Pernyataan ini juga disokong oleh Sia Wee Teng (1997) yang menyatakan secara tegas bahawa adalah menjadi tanggungjawab setiap pengajar secara intelektual untuk memimpin para pelajar bagi menyediakan pendekatan yang bersesuaian dengan pembelajaran mengikut gaya pembelajaran para pelajar dengan harapan dapat membantu meningkatkan prestasi akademik mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Profesion kejururawatan merupakan profesion yang berbeza dan unik berbanding profesion yang lain kerana ianya memerlukan kombinasi kemahiran teknikal yang saintifik dengan ilmu kejururawatan yang kritis di dalam memberi perkhidmatan yang efektif kepada klien (Lowenstein & Bradshan, 2001 & Heidgerken, 1965). Sejarah dengan ini, adalah penting bagi seorang pengajar mengetahui latar belakang pelajar dari aspek pengalaman masa lalu, latar belakang keluarga pelajar, penyesuaian sosial dan kematangan seseorang pelajar agar membolehkan pengajar merancang dan membimbing pelajar tersebut mencapai pembelajaran yang berkesan (Deckers, 2005).

Dewasa ini, terdapat banyak kolej dan institusi swasta khususnya yang menjalankan program kejururawatan sama ada di peringkat Diploma, Sarjanamuda mahu pun di peringkat Sarjana. Begitu juga di Negara Asia Barat contohnya Saudi Arabia. Menyedari kepentingan dan nilai profesion ini kepada masyarakat sedunia ianya kini semakin mendapat tempat di

kalangan remaja dan pelajar lepasan sekolah menengah mahupun lepasan institusi pengajian tinggi.

Isu berkaitan ini juga dikaitkan dengan kemerosotan pencapaian prestasi akademik para pelajar jururawat seperti dalam laporan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di mana seramai 50% daripada keseluruhan pelajar jururawat di seluruh Malaysia telah mengalami kegagalan di dalam Peperiksaan Akhir pada tahun 2002 (Sumber dari pengajar jururawat Kolej Kejururawatan Ipoh). Begitu juga dengan era 2000 ini yang mendapati prestasi akademik para pelajar jururawat di hampir kebanyakan kolej semakin menurun dan tidak dinafikan sebahagian besarnya tidak dapat berfungsi dengan baik di klinikal. Rungutan ini seringkali dilaporkan secara formal mahupun tidak formal oleh ketua jururawat kepada pihak kolej.

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui gaya pembelajaran dan kaedah pengajaran yang digemari di kalangan Pelajar Jururawat Semester 1 di Allianze College of Medical Sciences, Kepala Batas.

1.4.2 Objektif Khusus

Berdasarkan objektif umum di atas, maka objektif khusus kajian ini adalah untuk melihat:

- 1.4.2.1 peratusan gaya pembelajaran di kalangan pelajar jururawat semester 1 Diploma Kejururawatan di Allianze College of Medical Sciences, Kepala Batas.
- 1.4.2.2 peratusan gaya pembelajaran di kalangan pelajar jururawat semester 1 Diploma Kejururawatan di Allianze College of Medical Sciences, Kepala Batas berdasarkan demografik data.
- 1.4.2.3 peratusan kaedah pengajaran yang digemari di kalangan pelajar jururawat semester 1 Diploma Kejururawatan di Allianze College of Medical Sciences, Kepala Batas.
- 1.4.2.4 hubungan min antara gaya pembelajaran dengan min kaedah pengajaran yang digemari di kalangan pelajar jururawat semester 1 Diploma Kejururawatan di Allianze College of Medical Sciences, Kepala Batas.
- 1.4.2.5 perbezaan min antara faktor demografik dan gaya pembelajaran di kalangan pelajar jururawat semester 1 di Allianze College of Medical Sciences, Kepala Batas.

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Mahmood Nazar (2001) mendefinisikan pembelajaran ialah satu proses individu mendapatkan informasi-informasi, tingkah laku atau kebolehan yang baru. Manakala dari perspektif kejururawatan pula Heidgerken (1965) menyatakannya sebagai “change in the behaviour of person who is in the process of learning...it is involves the way a person think and feel as her overt action...and change in behavior resulting from experience of mental, physical and social”. Oleh yang demikian, pengajar perlu menitikberatkan beberapa perkara yang tertentu sebelum memilih kaedah pengajaran yang hendak dijalankan iaitu latar belakang kebudayaan pelajar, tahap pengetahuan sedia ada pelajar, persekitaran pembelajaran dan objektif pembelajaran itu sendiri (Quinn & Hughes, 2007). Selain itu pengajar perlu sedar tentang cara pembelajaran pelajar yang pelbagai dan keupayaan pelajar menerima masuk pembelajaran atau ilmu pengetahuan yang diterima di bilik darjah mahupun luar bilik darjah (Nicklin & Kenworthy, 2007).

Terdapat tiga teori asas pembelajaran iaitu kognitif, behavioral dan sosial. Menurut Muhamad Awang (1999), pembelajaran kognitif adalah satu proses di mana seseorang itu menyusun dan melaksanakan aktiviti mental. Ianya melibatkan pelbagai proses penyelesaian masalah dan proses penyesuaian diri dengan tuntutan alam sekitar yang berubah-ubah. Ianya juga melibatkan bagaimana individu itu memproses maklumat dalam kontak proses ingatan, perhatian, pembelajaran dan penyelesaian masalah. Manakala Teori Behaviural pula menekankan bahawa tingkah laku individu boleh diubah dengan cara menukarkan bentuk keadaan alam sekitar dan semua pembelajaran boleh diperolehi melalui perkaitan ringkas daripada bentuk klasikal dan operan (Mahmood Nazar, 2001). Manakala Morgan (2002) menerangkan bahawa pembelajaran bahaviurisme ialah satu proses yang melibatkan perubahan tingkah laku. Beliau juga percaya ianya dipengaruhi oleh faktor luaran dan alam sekitaran. Selain itu faktor dalaman seperti motivasi juga mempengaruhi tingkah laku seseorang. Bagi teori pembelajaran sosial pula; berdasarkan Teori Kurt Lewin, beliau telah menjalankan kajian-kajian seperti norma-norma sosial, proses kelompok dan kepimpinan. Perkara utama yang menjadi tumpuan ialah proses dinamik dalam sesebuah kelompok. Ianya memperihalkan kajian tentang interaksi dan perhubungan yang berlaku antara kelompok. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat bagaimana hubungan saling bergantung di antara ahli kelompok, penyelesaian masalah serta membuat keputusan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Rekabentuk Kajian

Pengkaji akan menjalankan penyelidikan kuantitatif; jenis kajian deskriptif bentuk tinjauan. Pengkaji memilih penyelidikan jenis ini kerana ianya dapat menerangkan fakta yang dikehendaki dengan sistematik.

3.2 Tempat Kajian dan populasi

Kajian akan dijalankan di Allianze College of Medical Sciences, Kepala Batas, Pulau Pinang. Bagi memenuhi persoalan kajian, seramai 30 orang pelajar jururawat yang berada di semester 1 dengan menggunakan kaedah persampelan 'purposive' iaitu persampelan yang dibuat bagi memenuhi tujuan kajian.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini terdiri daripada Bahagian A mengenai data bertujuan untuk melihat secara am latar belakang para pelajar selain untuk melihat hubungan gaya pembelajaran dan kaedah yang digemari. Manakala Bahagian B pula bertujuan untuk mengumpul data berkaitan 4 gaya pembelajaran. Terdapat 44 item berkaitan 4 gaya pembelajaran yang diadaptasi daripada Chislett & Chapman VARK learning styles questionnaire'. Manakala bahagian C pula adalah adalah soalan berkaitan kaedah pengajaran yang paling digemari oleh responden.

4.0 DATA ANALISIS DAN INTEPRETASI DATA

4.1 Pengenalan

Analisa data dibuat secara statistik deskriptif iaitu peratusan dan min manakala statistik inferensi yang digunakan untuk menguji hipotesis ialah Independent t-test, Chi Square dan One

Way ANOVA. Manakala hasil keputusan akan dipresentasikan dalam bentuk jadual. Seramai 30 orang yang mengambil bahagian di dalam kajian ini.

4.2 Data Deskriptif

4.2.1 Bahagian A - Data Demografik

Jadual 4.2.1: Taburan responden mengikut Gender, Umur dan Bangsa

		Umur					
		bawah 19 tahun		20 hingga 30 tahun		31 tahun ke atas	
Bangsa		Jantina		Jantina		Jantina	
		Wanita	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita	Lelaki
MELAYU		0	0	10	0	0	0
CINA		0	0	0	5	0	0
INDIA		0	0	0	8	0	0
LAIN-LAIN		0	0	5	2	0	0
Jumlah		0	0	15	15	0	0

Jadual di atas menunjukkan taburan gender responden di kolej kajian. Dari jadual tersebut didapati bilangan responden seramai 30 orang adalah merupakan pelajar perempuan dan lelaki yang mempunyai bilangan yang sama rata iaitu masing – masing 50%.

4.2.2 Bahagian B – Gaya pembelajaran

Jadual 4.2.2: Skor peratusan gaya pembelajaran responden mengikut gender dan bangsa

Bangsa		Melayu		Cina		India		Lain-lain		Jumlah									
		L	P	L	P	L	P	L	P										
Gender		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%								
		Gaya Pembelajaran	Visual	0	0	1	3.3	4	13.3	0	0	5	16.7	0	0	0	0	5	16.
Auditori	0		0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	6.7	0	7	2	6.7
Kinestetik	0		0	9	30	0	0	0	0	2	6.7	0	0	0	0	0	0	11	36.
Taktual	0		0	0	0	1	3.35	0	0	1	3.35	0	0	0	0	0	0	2	7
Jumlah		0	0	10	33.3	5	16.6	0	0	8	26.7	0	0	2	6.7	5	16.7	30	100

Jadual di atas menunjukkan peratusan paling tinggi terhadap gaya pembelajaran responden ialah gaya pembelajaran jenis visual iaitu 50%, diikuti dengan kekuatan kinestetik (36%). Sementara kekuatan jenis auditori dan taktual pula mempunyai peratusan yang sama banyak di mana masing-masing memperolehi peratusan sebanyak 6.7%.

4.2.3 Bahagian C – Kaedah pengajaran yang digemari

Jadual 4.2.3: Skor min dan peratusan setiap kaedah pengajaran

Kaedah pengajaran	SKOR										
	STG		TG		TP		G		SG		Min Skor tertinggi
	1	2	3	4	5	6	7	8	9		
N	%	N	%	N	%	N	%	N	%		
Syarahan	1	3.3	6	20	14	46.7	8	26.7	1	3.3	3.07
Demonstrasi	0	0	1	3.3	4	13.3	14	46.7	11	36.7	4.17
PBL	0	0	4	13.3	9	30	12	40	5	16.7	3.60
Kemahiran Klinikal	0	0	1	3.3	4	13.3	12	40	13	43.3	4.23
Perbincangan	0	0	1	3.3	4	13.3	20	66.7	5	16.7	3.97
Lawatan sambil belajar	0	0	0	0	1	3.3	2	6.7	27	90	4.87
ICT	0	0	0	0	3	10	14	46.7	13	43.3	4.33
Percambahan minda	0	0	0	0	4	13.3	21	70	5	16.7	4.03
Tugasan	0	0	2	6.7	7	23.3	16	53.3	5	16.7	3.80
Presentasi	0	0	2	6.7	11	36.7	8	26.7	9	30	3.80

Kesimpulan hasil dapatan daripada Jadual menunjukkan kaedah pengajaran yang paling digemari oleh responden mengikut turutan ialah lawatan sambil belajar dengan min=4.87 (tahap 5 = sangat gemar) dan diikuti dengan latihan kemahiran di bilik makmal kemahiran dengan min = 4.23 (tahap 5 =sangat gemar).

5.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Perbincangan

Secara keseluruhan, para pelajar didapati memiliki keempat-empat gaya pembelajaran iaitu jenis visual, auditori, kinestetik dan juga taktual. Namun hasil dapatan menunjukkan peratusan paling tinggi terhadap gaya pembelajaran responden ialah gaya pembelajaran jenis visual iaitu 50% daripada jumlah sampel (N=30), diikuti dengan kekuatan kinestetik (36%). Hasil kajian telah membuktikan bahawa para pelajar sangat menggemari pembelajaran bercorak aktiviti iaitu mereka menggemari praktikal di bilik kemahiran dengan skor min paling tinggi iaitu 4.23 (sangat gemar) ; diikuti dengan aktiviti seperti sesi demonstrasi (M=4.17), pembelajaran dengan bantuan ICT (M=4.33) dan skor min bagi kaedah percambahan minda pula ialah 4.03. Hasil dapatan juga menunjukkan para pelajar ini amat menggemari aktiviti luar bilik darjah seperti lawatan sambil belajar dengan skor min yang agak tinggi (M=4.81). Skor min menunjukkan hasil analisis dengan menggunakan kaedah Ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan terdapat hubungkait antara gaya pembelajaran pelajar dengan kaedah pengajaran yang digemari kerana berdasarkan hasil keputusan mendapati terdapat perbezaan yang begitu ketara antara kekerapan cerapan dengan kekerapan jangkaan di mana nilai Kuasa Dua adalah besar iaitu 14.000 dengan Asymp.Sig yang amat kecil iaitu 0.122 (Pembelajaran) manakala 26.800 dengan Asymp.Sig yang juga amat kecil iaitu 0.005 (Kaedah Pengajaran) jelas menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif antara gaya pembelajaran yang diamalkan oleh responden dengan pemilihan kaedah pengajaran yang mereka gemari. Keputusan Ujian-t independent di dalam kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara gender terhadap gaya pembelajaran pelajar dengan nilai $p = .021 (< 0.05)$ dengan $F = 6.027$, $t =$

0.534 dan $df = 28$. Begitu juga dengan perbezaan antara bangsa para pelajar di mana keputusan hasil ANOVA satu hala menunjukkan terdapat perbezaan skor min yang signifikan dari aspek gaya pembelajaran pada nilai $F = 4.087$, $p = .017$ (< 0.05) antara pelajar Melayu, Cina, India dan lain-lain. Analisis ujian-t dalam kajian mendapati skor min kaedah pengajaran pelajar perempuan adalah 3.91 ($N=15$) manakala skor min pelajar lelaki adalah 4.07 ($N=15$). Perbezaan 2 skor min berkenaan adalah kecil iaitu 0.16 dan nilai t ialah -1.46 sementara nilai $p = .155$. Ini jelas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gender dengan pemilihan kaedah pengajaran yang digemari di kalangan pelajar berkenaan tetapi sebaliknya bagi keputusan hasil ANOVA satu hala untuk menentukan perbezaan signifikan antara bangsa terhadap kaedah pengajaran yang digemari jelas menunjukkan terdapat perbezaan skor min yang signifikan yang lemah dari aspek kaedah pengajaran pada nilai $F = 2.877$, $p = .045$ antara pelajar Melayu, Cina, India dan lain-lain.

5.2 Cadangan Kajian

Para guru perlu menyediakan teknik dan kaedah pengajaran yang digemari pelajar agar proses pembelajaran pelajar lebih berkesan. Ini perlu kepada perbincangan bersama pelajar-guru agar ianya memberi kesediaan kepada kedua-dua pihak. Selain itu pihak kolej perlu menyediakan serta melakukan penambahbaikan kurikulum sesuai dengan hasil kajian yang dilakukan ini.

5.3 Kesimpulan

Bagi melahirkan pelajar yang berdaya saing dan maju dalam sains dan teknologi, adalah menjadi tanggungjawab pengajar menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif seperti mempunyai peralatan yang lengkap, sesuai dan berfungsi sepenuhnya agar para pelajar mendapat pembelajaran tersebut dengan efisien

6.0 RUJUKAN

- Abdul Fatah Hasan (2002). Pengenalan minda secara optimum dalam pembelajaran. Pahang: PTS Publications & Distributions Sdn.Bhd.
- Adam student learning style survey. <http://www.studyguide.org> retrieved 12.3.2009
- Amir Hasan Dawi. (2006). Penteorian sosiologi. Quantum Books.
- Asiah Haji Pariecutty (1999). Gaya pembelajaran dan pencapaian akademik di kalangan pelajar Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Teknik Juasseh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Kuala Lumpur ; Universiti Malaya.
- Azlina Mohd. Kosnin & Bilhorn Defrin. (2007). Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik : tinjauan di kalangan pelajar-pelajar tahun akhir Sains Sukan,Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor. Malaysia : Universiti Teknologi Malaysia
- Biehler, R.F., & Snowman, J. (1997). Psychology applied to teaching. (8th ed.). New York : Houghton Mifflin Company.
- Blackmore, J. (1996). Pedagogy Learning style from <http://www.cyg.net/jblackmo/diglib/styl-a.htm> retrieved 25.2.2009
- Choy Sau Kam, Khaw Ah Hong & Lew Kim Leong. (2009). Satu kajian kes tentang jenis dan kekerapan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran matematik oleh guru pelatih KDPM. Jurnal Penyelidikan MPBL, (4) 45-54
- Cooze, M., & Barbour, M. (2005). Learning styles : a focus upon e-learning practices & pedagogy and their implications for designing e-learning for secondary school in Newfoundland. Malaysian Online Journal of Instructional Technology, 2 (1) 1123-1144

- Deckers, L. (2005). Motivation,biological,psychological & environmental. (2nd ed.).United State of America : A Pearson Education Inc.
- Diaz, D. P., & Carnal, R. B. (1999). Student's learning styles in two classes : online distance learning and equivalent on campus. *Journal of college teaching*, 47(4), 130-135.
- Dr Ab. Halim, Dr Adnan, et.al. (2004). Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ee Ah Meng (1992). Psikologi Perkembangan:aplikasi dalam bilik darjah. (Edisi kedua). Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Eisner, E. (1985). Educational imagination (2nd ed.). New York: Macmillan.
- Fisher, M., King, J., & Tague.G. (2001). Development of self-directed learning readiness scale for nursing education. *Journal of Nurse Education Today*, 21(7):516-525.
- Gabe Keri. (2002). Pedagogy learning style. *College Student Journal*, 36
- Grasha, A. F. (1996). Teaching with styles : a practical guide to enhancing learning by understanding teaching and learning styles. USA : Alliance Publishers.
- Hashim Harun (1997). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Matematik Tambahan kepada pelajar Tingkatan 4 di Seberang Perai (U). Kedah :Universiti Utara Malaysia.
- Heidari, F., & Galvin, K. (2003). Action learning groups: can they help students develop their knowledge and skills? *Journal of Nurse Education in Practice*,3(1): 49-55
- Heidgerken, L.E. (1965). Teaching and learning in school of nursing. (3rd ed.). Philadelphia : J.B. Lippincort.
- Honey, P., & Mumford, A. (2000). The Learning Styles. Linden Avenue : Peter Honey Publications.
- Ho Mei Kei. (2009). Collection of Abdullah Ahmad Badawi's speeches 2008-2009. Department of Information Malaysia : Kuala Lumpur.
- Kamus Dwibahasa. (cetakan ketujuh). Selangor: Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- London, F. (1999). No time to teach : a nurse's guide to patient and family education.Philadelphia : Lippincott.